

Jalan, gerai hanyut ke laut

Hakisan di Kampung Tok Jembal serius sejak 5 tahun lalu, kini dianggap kritikal

■ NURUL HUDA HUSAIN

KUALA NERUS – Isu hakisan pantai di Kampung Tok Jembal bukan perkara baharu atau sesuatu yang mengejutkan, malah secara realitinya penduduk dihambat kebingungan itu sejak lebih lima tahun lalu.

Tahun 2009 sehingga 2012 antara tempoh paling getir terpaksa dilalui penduduk khususnya yang tinggal begitu hampir dengan pantai, kerana ketika itu masalah hakisan disifatkan antara yang terburuk pernah dilalui mereka.

Antara kesan yang dihadapi akibat hakisan teruk yang berlaku ketika itu adalah jalan, gerai dan kemudahan awam yang terdapat di sekitar pesisir pantai yang menjadi tumpuan ramai itu telah hanyut ke dalam laut.

Bagaimanapun, masalah hakisan itu dilihat agak berkurangan setelah kerajaan Terengganu mengambil pendekatan dengan membina benteng bagi mengurangkan



Laporan Sinar Harian edisi Terengganu semalam.

kesan ombak kuat daripada terus menghakis kawasan tersebut.

Meskipun begitu, penduduk masih lagi berdepan dengan ancaman ombak besar yang terus menyaksikan hakisan pantai masih berlaku, memandangkan kerja-kerja menambak dan membina benteng ombak dilihat bukan penyelesaian untuk jangka masa panjang.

Malah, rata-rata penduduk

yang ditemui turut mengakui kemungkinan Kampung Tok Jembal akan hilang ditelan laut dalam tempoh 15 tahun akan datang, sebagaimana hasil kajian yang dibuat penyelidik dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melalui kumpulan Penyelesaian Risiko Bencana Pesisir Pantai (CDRS).

Menurut seorang penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Azman, masalah hakisan pantai sudah lama membelenggu penduduk khususnya nelayan yang amat terkesan dengan keadaan itu. "Masalah hakisan ini mula dikesan sebaik selesai kerja-kerja melebarkan kawasan landasan Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM) dilakukan, di mana pada ketika itu turut menyebabkan hakisan yang sangat teruk sehingga laluan yang menghubungkan Pantai Tok Jembal dan Pantai Teluk Ketapang terputus.



Kawasan tanah perkuburan di Kampung Tok Jembal juga berdepan hakisan pantai.



Salah satu bangunan di Stesen Penyelidikan Tenaga UMT yang tergantung akibat hakisan pantai.



Kesan hakisan di Pantai Tok Jembal.



Antara aset UMT yang telah dihanyutkan ombak.

"Namun, ketika itu, hakisan di pantai Tok Jembal belum mencapai tahap teruk, tetapi masalah itu mula berlanjutan dari 2009 sehingga 2013 yang mengakibatkan banyak kemusnahan harta benda awam termasuk mengancam perusahaan chalet yang terdapat di kawasan pesisir pantai itu," katanya.

Menurutnya, kerajaan juga perlu melihat secara serius hasil penyelidikan yang dibuat oleh kumpulan penyelidik itu dan dengan segera mencari langkah penyelesaian terbaik untuk memastikan masalah itu dapat ditangani sebaiknya.

"Kajian simulasi yang turut mengeluarkan data-data mengenai kawasan darat yang telah terhakis itu menunjukkan masalah ia perlu dipandang serius oleh semua pihak," katanya.

Bakal berlaku di daerah lain

Sementara itu, Ketua Jabatan Teknologi Maritim, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan UMT, Prof Madya Dr Mohammad Fadhli Ahmad berkata, masalah hakisan pantai di Terengganu khususnya Pantai Tok Jembal kini berada

pada tahap kritikal dan langkah segera perlu diambil untuk mengatasinya daripada menjadi lebih buruk.

"Kita katakan bahawa kawasan ini (Pantai Tok Jembal) berada pada tahap kritikal adalah berdasarkan kepada kegiatan ekonomi dan harta benda telah diancam, serta kesan hakisan kepada sosial dan ekonomi juga berlaku sekarang ini.

"Malah, kita di UMT sendiri turut mengalami kerugian lebih RM500,000 apabila beberapa aset turut musnah membabitkan tapak stesen penyelidikan tenaga, makmal dan kincir angin akibat hakisan teruk yang berlaku ini," katanya.

Jelas Mohammad Fadhli yang juga Ketua Penyelidik (Bahagian Hakisan) CDRS UMT lagi, hakisan pantai di Terengganu bukan sahaja berlaku di Pantai Tok Jembal, sebaliknya turut berlaku di daerah-daerah lain antaranya Kemaman, Dungun, Marang, Setiu, Besut serta Kuala Terengganu.

"Jadi, kita melihat sudah tiba masanya, masalah hakisan pantai ini diberi perhatian serius termasuk memastikan setiap pembangunan yang

ingin dilaksanakan di kawasan pesisir pantai perlu dikaji dengan lebih mendalam dan menyeluruh.

"Kita tidak katakan tiada kajian yang dibuat dalam pelaksanaan pembangunan sebelum ini, tetapi mungkin kajian awal yang dibuat itu tidak mengambil kira data maksimum atau kesan paling buruk hasil daripada simulasi itu.

"Sebagai contoh, data mengenai ombak yang dibuat pada 2010 mungkin hanya mencecah pada tiga meter; tetapi pada 10 tahun sebelum itu, ketinggian ombak pernah mencapai empat meter, jadi sebab itulah perlunya kita mengambil kira data maksimum, untuk memastikan kita sudah membuat persediaan secara lebih awal untuk tangani sebarang kemungkinan sekiranya pembangunan itu siap nanti," katanya.

Menurutnya, tiada sebarang masalah untuk mana-mana pihak ingin melaksanakan pembangunan di tepi pantai, namun apa perlu dipastikan adalah kesan yang bakal dihadapi termasuk masalah hakisan adalah paling minimum berlaku di kawasan tersebut.